



# **MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI**

## **NOTA UCAPAN**

**YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI HAJI MOHAMUD  
YANG DIPERTUA MPSP**

## **SEMPENA**

**PROGRAM KAYUHAN BASIKAL PARAMOUNT  
INTERSTATE 160 KM & 80 KM**

**18 MAC 2018 (AHAD)  
6.20 PAGI**

**DESIGN VILLAGE  
SEBERANG PERAI SELATAN**

**Terima kasih Saudara / Saudari Pengacara Majlis**

**Yang Dihormati Ahli Majlis-Ahli Majlis**

Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Yang Berusaha Puan Ir Hj Rosnani bt Hj Mahmod**

Setiausaha Perbandaran

Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Yang Berbahagia Dato' Dr. Lim Seh Guan**

Presiden Kelab Berbasikal G

**Yang Berusaha Encik Beh Chun Chong**

Ketua Pegawai Eksekutif Paramount Property

**Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai**

Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Rakan-Rakan Media**

**Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian**

---

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Selamat pagi dan salam sejahtera,

- ✚ Ucapan ribuan terima kasih dan sekalung penghargaan kepada Paramount Property kerana sudi menjadi penaja kepada Program Kayuhan Basikal Paramount Interstate 160 km dan 80 km tahun ini.
- ✚ Sekalung penghargaan kepada Kelab Berbasikal G kerana menjadi penganjur bersama program ini.
- ✚ MPSP amat menggalakkan penduduk Seberang Perai menggunakan basikal menggantikan kenderaan bermotor untuk menuju ke suatu kawasan dan juga sebagai salah satu aktiviti riadah. MPSP sentiasa berusaha untuk membudayakan aktiviti berbasikal di kalangan penduduk Seberang Perai.
- ✚ MPSP juga mempunyai Kelab Berbasikal Pesuka MPSP yang ditubuhkan pada tahun 2015 dengan keahlian seramai 30 orang. Seramai empat (4) orang daripada kelab ini akan menyertai kayuhan basikal pada pagi ini.

- ✚ Dalam Pelan Induk Lanskap MPSP, penyediaan laluan berbasikal sepanjang 210km telah dicadangkan yang merangkumi daerah SPU (90 km), SPT (55 km) dan SPS (65 km) yang mana 169 km berkonsepkan *road sharing*.
  
- ✚ Laluan basikal juga disediakan di Taman Rekreasi Awam Taman Tunku, Seberang Jaya dan Taman Bandar Ampang Jajar, Permatang Pauh.
  
- ✚ Cadangan dan perancangan laluan basikal berkonsepkan *road sharing* dan juga *dedicated lane* akan disediakan:-
  - di Batu Kawan;
  - Taman Merbau, Bagan Ajam sepanjang 310 meter;
  - Persisiran Pantai Bagan Ajam (sepanjang laluan BORR) dan Taman Rekreasi Pantai Bersih sepanjang 9.2 km;
  - Pulau Aman sepanjang 3.8 km;
  - Taman Komuniti Bandar Perda iaitu Rizab Parit Monsun Bandar Perda dan pembinaan jambatan sepanjang 8.2 km.
  
- ✚ Penyediaan laluan basikal merupakan salah satu usaha MPSP mempopularkan aktiviti berbasikal sebagai satu bentuk sukan rekreasi dan pengangkutan. Justeru, MPSP menyeru kepada

rakyat Seberang Perai untuk menjadi aktiviti berbasikal sebagai budaya serta menjadikan Seberang Perai sebagai kawasan Pihak Berkuasa Tempatan yang rendah karbon dan seterusnya menjadikan Seberang Perai - *Aspiring City of Tomorrow*.

✚ Program Kayuhan Basikal Paramount Interstate 160 km & 80 km dibahagikan kepada dua (2) kategori iaitu 160km dan 80km. Laluan kayuhan basikal akan merentasi dua negeri, Seberang Perai Selatan di Pulau Pinang dan Daerah Kerian di Perak.

✚ Jumlah Penyertaan untuk Program Kayuhan Basikal Interstate

- Kategori 160 km - 760 peserta
  - Peserta Lelaki 703 orang
  - Peserta Wanita 57 orang
- Kategori 60 km - 285 peserta
  - Peserta Lelaki 234 orang
  - Peserta Wanita 51 orang.
  - Penyertaan adalah diperingkat nasional dan juga antarabangsa di mana seramai 58 peserta yang mewakili negara Singapore, Indonesia, Filipina, China, Hong Kong, Korea Selatan, German, Ireland dan England menyertai kayuhan berbasikal ini.

- ✚ Saya amat mengharapkan agar Program Kayuhan Basikal ini dijadikan acara tahunan, melitahkan kepada kadar kejayaan tahun ini. Seiring dengan salah satu matlamat program ini iaitu menggalakkan amalan hidup yang sihat, saya percaya program ini dapat menarik perhatian peserta dalam Malaysia mahupun luar Negara.
- ✚ Sekali lagi, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Paramount Property dan Kelab Berbasikal G atas kerjasama dan sokongan padu yang diberi dalam menjayakan Program Kayuhan Basikal Paramount Interstate 160 km dan 80 km. Juga saya mendoakan kejayaan para peserta yang mengambil bahagian dan sambil mengayuh nikmatilah keindahan alam sekitar di sepanjang perjalanan. ***All the best to all contestants!***

**Sekian,**

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi***

***Wabarakatuh.***

**Terima kasih.**